

Answers for Analisis Bertopik 2025 will be updated soon!

Please check back later for the updated answers.

JAWAPAN DAN ULASAN

PRINSIP PERAKAUNAN

Modul 1 PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN

KERTAS 1

- 1 **B**
Pernyataan yang diberi adalah bertepatan dengan subbidang perakaunan. Pengauditan adalah subbidang perakaunan yang berkaitan dengan kerja-kerja pemeriksaan dokumen perniagaan dan rekod kewangan yang dilakukan untuk mengesahkan rekod perakaunan adalah betul dan tepat. Pilihan jawapan yang lain adalah tidak berkaitan.
- 2 **A**
Kitaran perakaunan bermula dengan Dokumen Sumber, diikuti dengan Buku Catatan Pertama dan seterusnya Imbangan Duga dan Lejar.
Pilihan jawapan A yang tepat.
- 3 **D**
Imbangan Duga menyenaraikan baki debit dan baki kredit bagi semua akaun dalam lejar.
- 4 **B**
MASB merupakan badan penggubal piawaian. MASB berperanan dalam menggubal dan membaiki piawaian perakaunan di Malaysia. MIA merupakan badan kawal selia. CPA dan CIMA merupakan badan profesional perakaunan.
- 5 **C**
Pelabur merupakan pengguna luaran penyata kewangan manakala pekerja, pemilik dan pengurus adalah pengguna dalaman penyata kewangan.
- 6 **D**
Encik Rau tidak merekod ambilan barang niaga sebagai urus niaga perniagaan. Amalan ini mematuhi andaian perakaunan Entiti Berasingan.
- 7 **D**
Prinsip ketekalan merujuk kepada kaedah perakaunan yang sama digunakan untuk perekodan dalam penyediaan laporan kewangan bagi setiap tempoh perakaunan. Naira Enterprise mengamalkan prinsip ini. Pilihan jawapan yang lain tidak berkaitan.
- 8 **A**
Penggunaan kaedah garis lurus untuk mengira susut nilai kenderaan sejak 10 tahun lalu bertepatan dengan prinsip ketekalan. Prinsip ini memastikan wujudnya konsistensi dalam prosedur perakaunan yang digunakan oleh entiti perniagaan dari satu tempoh perakaunan ke tempoh perakaunan yang lain.

9 B

Salon Kecantikan Salina ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan mempunyai liabiliti tidak terhad. Pramu Media Berhad dan Syarikat Bersama Sdn. Bhd. adalah syarikat berhad yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai liabiliti terhad. Klinik Pergigian Amir dan Amira adalah sebuah perkongsian bukannya sebuah milikan tunggal.

10 B

Koperasi dan Syarikat Berhad menepati ciri-ciri berkenaan:

- (i) Liabiliti terhad
- (ii) Modal besar
- (iii) Sebarang keputusan perniagaan dibuat dalam mesyuarat agung Perkongsian dan milikan tunggal mempunyai liabiliti tidak terhad.

Maka pilihan jawapan yang melibatkan perkongsian dan milikan tunggal adalah salah.

11 A

Liabiliti tidak terhad adalah suatu ciri milikan tunggal. Pilihan jawapan yang lain adalah ciri syarikat berhad.

KERTAS 2

Bahagian A

- 1** (a) Buku Catatan Pertama
(b) Imbangan duga

[2 markah]

- 2** (i) Integriti
(ii) Kerahsiaan

[2 markah]

- 3** (a) Risiko kerosakan dan kehilangan data dapat dikurangkan kerana sistem ini mempunyai fungsi data sokongan dalam cakera padat atau pun di dalam penyimpanan atas talian.
Mudah membetulkan segala kesilapan kerana sistem ini mengemas kini semua data yang berkaitan dan menjana pelaporan yang telah dibetulkan dengan mudah dan jitu.

[2 markah]

- 4** - Pemasaan
- kebolehfahaman

[2 markah]

- 5** (i) Kebolehbandingan
(ii) Kebolehfahaman
(iii) Kebolehsahan
(iv) Pemasaan

[Maksimum: 2 markah]

- 6** Prinsip Kos dan Ketekalan

[2 markah]

- 7** (a) Ketekalan

[1 markah]

- 8** (a) (i) Bilangan minimum 50 anggota dan tiada had maksimum jumlah anggota.
(ii) Menanggung liabiliti terhad setakat sumbangan modal yang dilaburkan.

[2 markah]

KERTAS 1

1 D

Tajuk Penyata Kewangan yang betul ialah:
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

2 D

Faedah atas pinjaman adalah belanja. Komisen yang berbaki kredit adalah hasil. Belum bayar berbaki kredit. Kesemua pilihan jawapan itu padanannya salah. Padanan yang betul ialah faedah atas simpanan tetap yang jenis akaun adalah hasil dan berbaki kredit.

3 B

Pilihan I

Perniagaan	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa	Betul/Salah
Kedai Alatan Pejabat Lim	Inventori – Alatan Pejabat	Perabot	Betul

Pilihan II

Perniagaan	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa	Betul/Salah
Kedai Alatan Pejabat Lim	Inventori – Perabot	Alatan Pejabat	Salah

Pilihan III

Perniagaan	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa	Betul/Salah
Kedai Perabot Tan	Inventori – Perabot	Alatan Pejabat	Betul

Pilihan IV

Perniagaan	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa	Betul/Salah
Kedai Perabot Tan	Inventori – Alatan Pejabat	Perabot	Salah

4 A

Bank adalah aset semasa. Pilihan jawapan yang lain bukan aset semasa.

5 D

Jualan komputer dan mesin pencetak adalah hasil operasi kedai yang menjual peralatan komputer. Faedah simpanan tetap, hasil sewaan ruang kedai dan untung jualan perabot terpakai adalah hasil bukan operasi.

6 B

Sewa belum terperoleh adalah liabiliti semasa. Komisen belum terima, akaun belum terima dan insurans prabayar adalah aset semasa.

7 C

Ciri-ciri aset yang diberi berkaitan dengan aset bukan semasa. Alatan pejabat mempunyai hayat penggunaan lama dan tahap kecairan rendah.
Pilihan jawapan yang lain adalah aset semasa.

8 B

Komisen belum terperoleh, Akaun belum bayar dan Overdraf bank adalah merupakan Liabiliti Semasa bukannya Aset Semasa.

9 A

Komisen belum terperoleh merupakan Liabiliti Semasa. Deposit kadar bayaran, sewa belum terima dan gaji prabayar merupakan Aset Semasa.

10 C

Pilihan A: Membuat bayaran kepada Akaun Belum Bayar sebanyak RM900 secara tunai
Kesan terhadap persamaan perakaunan:

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	—

Pilihan B: Membayar ansuran pinjaman RM1 300 dan faedah pinjaman RM200 dengan cek
Kesan terhadap persamaan perakaunan:

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Berkurang

Pilihan C: Jualan tunai RM4 700 bagi inventori berkos RM4 500 telah digunakan untuk menjelaskan Akaun Belum Bayar
Kesan terhadap persamaan perakaunan:

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Bertambah

Pilihan D: Menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima sebanyak RM5 100 dengan cek untuk menyelesaikan hutang sebanyak RM5 300
Kesan terhadap persamaan perakaunan:

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Berkurang

11 C

Pilihan	Urus niaga	Kesan
A	Belian barang niaga secara tunai daripada Pembekal Azam RM5 500	Inventori bertambah RM5 500 Tunai berkurang
B	Belian barang niaga RM5 000 secara kredit daripada Pembekal Ammar	Inventori bertambah RM5 000 Akaun Belum Bayar bertambah RM5 000
C	Jualan barang niaga berkos RM5 000 secara kredit kepada Amin pada harga RM5 500	Inventori berkurang RM5 000 Akaun Belum Terima bertambah RM5 500 Modal bertambah RM500
D	Jualan barang niaga berkos RM5 000 secara tunai kepada Amin pada harga RM5 500	Inventori berkurang RM5 000 Tunai bertambah RM5 500 Modal bertambah RM500

12 C

Urus niaga **P** – Pemilik membawa masuk kenderaan untuk kegunaan perniagaan.

Kesannya akaun modal akan bertambah

Urus niaga **Q** – Pemilik mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri.

Kesannya akaun modal akan berkurang.

13 A

Ekuiti Pemilik = Aset – Liabiliti

= [RM10 000 + RM6 980] – [RM6 000 + RM580]

= RM10 400

14 A

Q adalah rugi bersih. Rugi bersih akan mengurangkan ekuiti pemilik.

15 C

Pinjaman bank yang diterima akan menambahkan pinjaman (liabiliti) RM50 000. Wang tersebut berjumlah RM5 000 digunakan untuk membeli alatan pejabat akan menambahkan alatan pejabat (aset) RM5 000. Baki wang pinjaman RM45 000 dibankkan dan ini akan menambahkan bank (aset) RM45 000.

16 A

Urus niaga yang diberi memberi kesan berikut terhadap persamaan perakaunan:

Aset	Liabiliti	Ekuit
Berkurang RM2 000	Berkurang RM2 500	Bertambah RM500

Pilihan jawapan yang lain tidak berkaitan.

17 C

Urus niaga membeli 4 unit basikal dengan cek peribadi menyebabkan Aset dan Ekuiti Pemilik bertambah.

18 C

Kesan Urus niaga:

Urus niaga	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah		Bertambah
B	Berkurang	Berkurang	Berkurang
C	Berkurang	Berkurang	Bertambah
D	Berkurang		Berkurang

19 A

Akaun Jualan adalah akaun yang berkaitan dengan Catatan Kontra Akaun Pulangan Masuk.

KERTAS 2**Bahagian A****1** Perbezaan antara liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa:

Liabiliti semasa ialah hutang perniagaan yang perlu dijelaskan dalam jangka masa pendek biasanya dalam satu tempoh perakaunan manakala liabiliti bukan semasa ialah hutang perniagaan yang perlu dibayar balik dalam jangka masa panjang iaitu melebihi satu tahun.

[2 markah]

2 Inventori bertambah, Akaun Belum Bayar bertambah

[2 markah]

3 (a)

	Peralatan	Inventori	Bank	Tunai	Akaun Belum Terima	Peruntukan hutang ragu	Modal	Akaun Belum Bayar	Pinjaman	Untung bersih	Ambilan
2023	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Julai 1	21 490	49 500	17 030	790	18 884	-	85 000	10 694	12 000	-	-
(i)		2 730						2 730			
(ii)					(210)					(210)	
(iii)			(9 150)					(9 320)		170	
(iv)		(3 730)			11 975					8 245	
(v)				(195)							195
(vi)			(200)							(200)	
(vii)							180			(180)	
(viii)			12 500		(12 500)						
(ix)	(500)									(500)	
(x)						(120)				(120)	
Baki Julai 31	20 990	48 500	20 180	595	18 149	(120)	85 180	4 104	12 000	7 205	195

[13 markah]

(b)**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2023**

	RM Kos	RM Susut nilai terkumpul	RM Nilai buku
Aset Bukan Semasa			
Peralatan	21 490	(500)	20 990
Aset Semasa			
Inventori		48 500	
Akaun belum terima	18 149		
<i>Tolak: Peruntukan hutang ragu</i>	<u>(120)</u>		
		18 029	
Bank		20 180	
Tunai		<u>595</u>	
		87 304	
<i>Tolak: Liabiliti Semasa</i>			
Akaun belum bayar	4 104		
Pinjaman	<u>12 000</u>		
		<u>(16 104)</u>	
Modal kerja			<u>71 200</u>
			<u>92 190</u>
Ekuiti Pemilik			
Modal			85 180
<i>Tambah: Untung bersih</i>			<u>7 205</u>
			<u>92 385</u>
<i>Tolak: Ambilan</i>			<u>(195)</u>
			<u><u>92 190</u></u>

[12 markah]

4 (b) P – Aset Semasa**Q – Aset Bukan Semasa**

[2 markah]

Bahagian B**5**

Perniagaan Elyna								
Urus Niaga	ASET				EKUITI PEMILIK			
	Kenderaan	Inventori	Akaun Belum Terima	Bank	Ekuiti	Untung Bersih	Ambilan	Akaun Belum Bayar
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
	5 000	2 500	4 500	4 000	14 400			1 600
(i)				(100)				(100)
(ii)		1 800						1 800
(iii)			(2 600)	2 600				
(iv)		(1 600)	2 400			800		
(v)						(268)		268
(vi)		(120)					120	
	5 000	2 580	4 300	6 500	14 400	532	120	3 568

[13 markah]

**DOKUMEN PERNIAGAAN SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT****KERTAS 1****1 B**

Urus niaga kredit bermula dengan pesanan belian. Seterusnya invois akan dihantar kepada pembeli menunjukkan urus niaga belian telah berlaku. Sekiranya peniaga mendapati barang niaga yang dibeli ada yang rosak, salah saiz atau salah jenama, barang niaga berkenaan akan dipulangkan. Pembeli akan menerima dokumen nota kredit menunjukkan berlakunya urus niaga pulangan belian. Seterusnya penjual akan menerima cek daripada pembeli untuk menjelaskan bayaran hutang. Pembeli akan menerima resit sebagai bukti pembayaran hutang.

2 A

Invois digunakan untuk belian secara kredit.

Bil tunai digunakan bagi urus niaga jualan dan belian dengan menggunakan tunai atau cek sebaliknya bukannya untuk penerimaan diskaun secara tunai. Keratan cek merupakan bahagian cek yang tertinggal selepas cek diceraikan daripada buku cek dan mengandungi butiran pembayaran cek yang dibuat. Keratan cek bukannya bukti penerimaan cek sebaliknya resit.

Nota debit digunakan untuk menambah bayaran yang berkurang caj dalam invois.

Bagi urus niaga pulangan barang niaga pula dokumen yang terlibat ialah nota kredit.

3 B

Nota kredit dikeluarkan bagi memberitahu bahawa akaun pembeli telah dikreditkan bagi mengurangkan hutang pembeli. Maka pilihan jawapan yang betul ialah:

Pilihan I – Pembeli memulangkan bekas kosong yang telah dicaj dalam invois

Pilihan IV – Komisen diberi kepada pembeli

4 D

Slip bank dikeluarkan oleh pihak bank untuk merekod urusan menyimpan dan mengeluarkan wang oleh pelanggan.

Nota debit digunakan untuk menambah bayaran yang berkurang caj dalam invois.

Keratan cek adalah bahagian cek yang tertinggal selepas cek diceraikan daripada buku cek dan mengandungi butiran pembayaran yang telah dibuat.

Makluman kredit bertepatan dengan ciri yang dinyatakan:

(i) Dokumen dikeluarkan oleh pihak bank

(ii) Bertujuan memberitahu kepada pemilik akaun bahawa pihak bank telah menambahkan akaun dengan jumlah tertentu.

5 B

Nota debit adalah invois tambahan yang dihantar oleh penjual kepada pembeli untuk memberitahu bahawa akaun pembeli telah didebitkan untuk menambah jumlah dalam invois.

6 C

$$\begin{aligned}\text{Jumlah hutang yang perlu dibayar} &= \text{RM}1\,800 \times 0.95 \\ &= \text{RM}1\,710\end{aligned}$$

- 7 **D**
Baucar Tunai Runcit digunakan bagi urus niaga yang melibatkan amaun belanja yang kecil. Membayar tambang teksi melibatkan baucar tunai runcit.
- 8 **A**
Urus niaga yang diberikan berkaitan dengan hutang lapuk. Penggunaan memo adalah paling tepat bagi urus niaga ini.
- 9 **C**
Apabila berlaku jualan terkurang caj, penjual akan menghantar Nota debit (asal) kepada pembeli manakala Nota debit (salinan) disimpan oleh penjual. Dokumen bagi urus niaga yang lain itu adalah salah dari segi fungsinya.
- 10 **B**
Invois terlibat dalam urus niaga belian secara kredit. Nota kredit akan mengurangkan nilai invois. Bil tunai sebagai bukti urus niaga belian dan jualan dengan menggunakan tunai atau cek. Keratan cek sebagai rujukan urus niaga yang melibatkan pembayaran.
- 11 **C**
Dokumen Sumber: Memo dan Nota Debit
Dokumen Bukan Sumber: Nota serahan dan Penyata Bank

KERTAS 2

Bahagian A

- 1 (a) Khalish Electrical
(b) Bermaksud pihak penjual berhak membetulkan sebarang kesilapan atau ketinggalan dalam invois melalui nota debit atau nota kredit/Kesilapan dan Ketinggalan di Kecualikan
(c) 15 Mac 2021/10, 11, 12, 13, 14, 15, 16 Mac 2021 (terima mana-mana satu tarikh) [3 markah]
- 2 (a) Memo
(b) Makluman debit [2 markah]

Bahagian B

- 3 Sebab diskaun tunai diberikan
(i) Untuk menggalakkan pelanggan membayar hutang dengan cepat
(ii) Dapat mengurangkan berlakunya hutang lapuk [2 markah]
- 4 (a) GG Gadget membeli barang niaga bernilai RM22 500 secara kredit daripada Ezy Gadget Supplies [2 markah]
(b) Jumlah yang perlu dibayar = $90\% \times \text{RM}22\ 500$
= RM20 250 [2 markah]

Modul 4 BUKU CATATAN PERTAMA

KERTAS 1

- 1 **C**
Urus niaga yang direkod dalam Jurnal Am berkenaan merupakan catatan pembukaan. Pada 1 Ogos 2018 TL Enterprise mempunyai baki-baki berikut:

	RM
Bank	10 000
Perabot	8 000
Modal	18 000

Pilihan yang lain tidak berkaitan.

- 2 **C**
Urus niaga mengeluarkan wang tunai untuk kegunaan peribadi direkod dalam Buku Tunai bukannya dalam Jurnal Am. Urus niaga yang lain semua direkod dalam Jurnal Am.
- 3 **B**
Peraturan merekod urus niaga dalam Jurnal Am:
Akaun-akaun yang mempunyai baki debit akan dicatatkan diruangan debit manakala akaun-akaun yang berbaki kredit akan dicatatkan diruangan kredit.

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jan. 1	Premis	30 000	
	Tunai	700	
	Akaun Belum Terima: Syarikat Padu	5 000	
	Overdraf bank		1 750
	Modal		33 950

4 C

Urus niaga membeli almari secara kredit direkod dalam Jurnal Belian. Urus niaga memulangkan set sofa kepada pembekal direkod ke dalam Jurnal Pulangan Belian.

5 A

Jurnal Jualan fungsinya untuk merekodkan jualan barang niaga secara kredit. Jurnal Pulangan Keluar fungsinya bukan untuk merekodkan pulangan barang niaga daripada pembekal sepatutnya kepada pembekal.

Jurnal Pulangan Masuk fungsinya bukan untuk merekodkan pulangan barang niaga kepada pembeli sepatutnya daripada pembeli.

Jurnal Penerimaan Tunai fungsinya bukan merekodkan penerimaan belian barang niaga secara tunai sahaja tetapi dengan cek juga.

6 D

Urus niaga III – Pelanggan memulangkan buku rosak, direkod dalam Jurnal Pulangan Jualan (Jurnal Khas)

Urus niaga IV – Menghantar nota debit kepada pelanggan, direkod dalam Jurnal Belian (Jurnal Khas)

Urus niaga yang lain direkod dalam Jurnal Am.

7 C

Angka RM17 820 adalah angka yang diperoleh daripada jumlah Jurnal Jualan.

8 B

Jurnal Jualan digunakan untuk merekod urus niaga jualan barang niaga secara kredit. Dokumen sumber yang terlibat dalam jualan kredit ialah Invois (Salinan) dan nota debit.

9 C

Jurnal Pulangan Jualan digunakan untuk merekod pemulangan barang niaga rosak oleh pelanggan. Pilihan jawapan yang lain adalah salah.

10 B

Jurnal Pulangan Belian bukannya digunakan untuk merekod pulangan barang niaga daripada pelanggan. Jurnal Pulangan Belian digunakan untuk merekod pulangan barang niaga kepada pembekal.

11 A

Urus niaga yang diberi berkaitan dengan penerimaan cek daripada Syaza Enterprise bernilai RM2 500 untuk penjelasan hutang sebanyak RM2 600 diberi diskaun tunai RM100. Urus niaga ini melibatkan catatan debit di sebelah buku tunai seperti berikut:

Dt

Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2018 Nov. 15	Syaza Enterprise	RM 100	RM	RM 2 500	

12 C

Urus niaga yang berkaitan dengan penerimaan tunai dan cek direkod di sebelah debit Buku Tunai. Urus niaga menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima (Pilihan II) dan urus niaga membawa masuk wang peribadi ke dalam perniagaan (Pilihan III) berkaitan dengan penerima am tunai maka direkod di sebelah debit Buku Tunai.

13 D

Urus niaga melibatkan cek tak laku dan pembatalan diskaun diberi.

Catatan lebar yang berkaitan ialah:

Debit		Kredit	
Jazlina	RM1 550	Bank	RM1 500
		Diskaun diberi (batal)	RM50

Pilihan jawapan D bertepatan dengan catatan lebar di atas.

14 D

Pilihan	Urus Niaga	Analisis Pembayaran	Ulasan
A	Baiki kenderaan	Tambang	Tambang meliputi bayaran untuk pengangkutan seperti teksi dan bas
B	Mengirim bungkusan	Alat tulis	Sepatutnya belanja pos
C	Membeli sampul surat	Pelbagai	Sepatutnya belanja pos
D	Belanja minuman	Belanja am	Padanan yang betul

15 D

Pilihan	Urus Niaga	Ulasan
A	Ambilan tunai pejabat RM250 untuk kegunaan peribadi	Direkod dalam Buku Tunai
B	Bayaran gaji RM900 secara tunai	Direkod dalam Buku Tunai
C	Beli barang niaga dan dibayar dengan cek RM2 000	Direkod dalam Buku Tunai
D	Beli alat tulis RM25 secara tunai	Belanja kecil-kecilan yang direkod dalam Buku Tunai Runcit

16 A

Bioagrotech Sdn. Bhd. memperuntukkan RM300 sebagai dana tunai runcit. Sepanjang bulan April sejumlah RM122 telah dibelanjakan. Pada awal bulan Mei ketua juruwang perlu membuat bayaran balik sejumlah RM122 untuk menampung perbelanjaan yang telah dibuat.

17 B

Butiran kurier adalah belanja pos dan tetikus adalah sebahagian daripada aset.

18 D

Nilai panjar wang runcit pada setiap awal bulan
 $= \text{RM}65 + \text{RM}185 = \text{RM}250$

KERTAS 2**Bahagian A**

- 1 (a) Jurnal Am
 (b) Debit: Kedai Buku Ilham
 Kredit: Akaun Lengkapan/perabot

[3 markah]

- 2 Jurnal Jualan
 Jurnal Belian
 Jurnal Pulangan Jualan
 Jurnal Pulangan Belian
 Jurnal Penerimaan Tunai
 Jurnal Pembayaran Tunai

(Mana-mana dua)
 [2 markah]

Bahagian B

3 (a)

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit	Analisis bayaran		
					Alat tulis	Belanja pos	Belanja pejabat
2018 Mac 1	Baki b/b		RM 57	RM	RM	RM	RM
5	Bank		143				
	Bungkusan pos			81		81	
16	Kertas A4			45	45		
19	Setem dan pos			13		13	
23	Upah cuci			20			20
			200	159	45	94	20
31	Baki h/b			41			
			200	200			
Apr. 1	Baki b/b		41				
	Bank		159				

[7 markah]

(b)

Buku Tunai										
Tarikh	Butiran	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butiran	No.Cek	Diskaun	Tunai	Bank
2018 Mac 1	Baki b/b		RM	RM 7 218	2018 Mac 1	Tunai runcit	300127		RM	RM
10	Jualan			2 280	6	Perniagaan Jojary	300128			143
13	Nazirah Enterprise			1 564	11	Belian	300129		2 007	
					29	Gaji	300130			4 025
					31	Baki h/b				3 352
				11 062						11 062
2018 Apr. 1	Baki b/b			3 352						

[7 markah]

4 (a)

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2019		RM	RM
Jul 1	Tunai	3 200	
	Bank	32 400	
	Inventori	35 450	
	Kelengkapan	11 500	
	Premis	200 000	
	Akaun Belum Terima – Infinity Phone Store	6 200	
	J2 Mobile Shop	800	
	Akaun Belum Bayar – One Enterprise		7 900
	Modal		281 650
		289 550	289 550
Jul 12	Hutang Lapuk	480	
	Akaun Belum Terima – J2 Mobile Shop		480

[5 markah]

(b)

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah
2019			RM
Jul 8	Infinity Phone Store	INV101	11 520
Jul 31	Akaun Jualan		11 520

[2 markah]

(c)

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah
2019			RM
Jul 17	Ezy Gadget Supplies	CN16/1651	2 520
Jul 31	Akaun Pulangan Belian		2 520

[2 markah]

(d)

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	No.Cek	Diskaun	Tunai	Bank
2019		RM	RM	RM				RM	RM	RM
Jul 1	Baki b/b		3 200	32 400	Jul 12	One Enterprise	101197	158		7 742
12	J2 Mobile Shop			320	24	Gaji	101198			2 000
18	Jualan			8 300	28	Bank			2 500	
28	Tunai			2 500	31	Baki h/b			700	33 778
			3 200	43 520				158	3 200	43 520
Ogos 1	Baki b/b		700	33 778						

[7 markah]

5 (a)

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Pembayaran			
				Belanja pos	Alat tulis	Tambang	Belanja pejabat
2021		RM	RM	RM	RM	RM	RM
Ogos 1	Baki b/b	18					
1	Bank	382					
2	Setem		10	10			
4	Bahan pencuci		12				12
13	Tambang teksi		18			18	
16	Kertas A4		26		26		
18	Bungkusan kurier		37	37			
20	Sampul surat dan alat tulis		32		32		
29	Petrol		60			60	
		400	195	47	58	78	12
31	Baki h/b		205				
		400	400				
Sep 1	Baki b/b	205					
1	Bank	195					

[12 markah]

(b)

Jurnal Pembayaran Tunai

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Diskaun diterima	Akaun Belum Bayar	Belian	Pelbagai
2021		RM	RM	RM	RM	RM	RM
Ogos 1	Buku tunai runcit		382				382
7	Belian	440				440	
9	Alatan pejabat		450				450
23	Insurans		960				960
23	Ambilan		240				240
26	Aisyah Trading		1 080	120	1 200		
28	Belian	820				820	
30	Belian		510			510	
		1 260	3 622	120	1 200	1 770	2 032

[8 markah]

Modul 5 LEJAR

KERTAS 1

1 C

Lejar adalah buku yang merekod semua jenis urus niaga perniagaan secara tepat dan bersistematik menggunakan sistem catatan bergu.

Maka **X** adalah lejar dan **Y** adalah Sistem Catatan Bergu.

Pilihan lain tidak berkaitan.

2 C

Catatan bergu urus niaga pada 10 Januari 2018:

Debit	Kredit
Akaun Belum Bayar-Perniagaan Salsa [Liabiliti Berkurang]	Bank [Aset Berkurang]

Urus niaga yang bertepatan dengan catatan bergu tersebut ialah:

Kedai Murni membuat pembayaran hutang kepada Perniagaan Salsa dengan cek RM2 000.

Pilihan lain tidak berkaitan.

3 A

Pilih	Ai Leng	Wakeel	Ulasan
A	Ada Imbangan Duga	Ada Imbangan Duga	Kesannya betul
B	Nilai untung atau rugi tepat	Nilai untung atau rugi tidak boleh dikira	Tidak betul. Wakeel boleh mengira nilai untung atau rugi dengan Kaedah Perbandingan
C	Penyata kedudukan kewangan boleh disediakan	Penyata kedudukan kewangan tidak boleh disediakan	Tidak betul. Wakeel boleh menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan
D	Modal akhir boleh dikira	Modal akhir tidak boleh dikira	Tidak betul. Modal akhir Wakeel boleh dikira dengan rumus: Aset – Liabiliti

4 B

Merujuk kepada catatan bergu yang diberi:

Belanja Promosi bertambah manakala belian berkurang.

Urus niaga yang bertepatan dengan catatan bergu tersebut ialah:

Ambil sehelai baju untuk dipakaikan pada patung di hadapan kedai.

Pilihan yang lain tidak berkaitan.

5 A

Akaun yang diberikan baki awalnya debit maka Tuah Iskandar ialah akaun belum terima kepada Butik M Hannah.

Urus niaga yang berkaitan ialah Tuah Iskandar berhutang dengan Butik M Hannah sebanyak RM2 314.

Pilihan lain tidak berkaitan.

6 B

Cara merekod yang betul dalam lejar adalah:

- Kredit apabila hasil bertambah
- Debit apabila liabiliti berkurang
- Kredit apabila belanja berkurang
- Debit apabila ekuiti pemilik berkurang.

Pilihan B paling tepat.

7 C

Urus niaga yang diberi berkaitan dengan penggunaan pinjaman peribadi pemilik untuk membayar sewa perniagaan. Urus niaga ini merupakan modal tambahan yang dibawa masuk oleh pemilik dalam bentuk tunai.

Catatan bergu yang betul:

Debit	Kredit
Sewa	Modal

8 C

Urus niaga yang diberi berkaitan dengan belian barang niaga secara kredit.

Catatan bergu yang betul:

Debit	Kredit
Belian	Pembekal Aziq

Akaun Belian

2019	RM	
Mac 24	Pembekal Aziq	500

Pembekal Aziq

	2019	RM
Mac 24	Belian	500

9 D

Akaun Sewa didebitkan menunjukkan urus niaga **P** menambahkan belanja sewa. Akaun Modal dikreditkan menunjukkan urus niaga **P** menambahkan ekuiti pemilik. Urus niaga yang bertepatan dengan kesan ini iaitu pemilik membuat bayaran sewa kedai RM2 600 menggunakan wang peribadinya.

10 D

Cek tak laku melibatkan urus niaga pemulangan cek akaun belum terima oleh pihak bank atas beberapa sebab seperti cek koyak dan salah tandatangan penyuruh bayar. Catatan bergu yang betul ialah:

Debit	Kredit
Akaun Belum Terima	Akaun Bank

11 B

Urus niaga mengambil barang niaga untuk tujuan derma melibatkan pertambahan akaun belanja, maka Akaun Derma perlu didebitkan.

12 C

Urus niaga yang diberi dalam Buku Tunai tersebut berkaitan dengan penerimaan cek daripada Pet Lover Trading berjumlah RM2 650 dan beri diskaun tunai RM350. Catatan yang betul untuk pengeposan diskaun ke lejar ialah pilihan C. Pilihan yang lain tidak berkaitan.

13 C

Pilihan jawapan A dan B ternyata salah kerana Akaun Belian dan Akaun Pulangan Belian tidak melibatkan catatan butir Akaun Belum Terima. Jumlah Jurnal Belian dipindahkan ke sebelah debit Akaun Belian. Jumlah Jurnal Pulangan Belian dipindahkan ke sebelah kredit Akaun Pulangan Belian. Pilihan C paling tepat. Pilihan jawapan D catatannya terbalik.

14 B

Urus niaga memasukkan tunai peribadi ke dalam bank akan menambahkan aset dan menambah modal. Catatan bergu yang betul ialah Debit Akaun Bank dan Kredit Akaun Modal.

Urus niaga membayar gaji pekerja secara perbankkan elektronik akan menambahkan belanja dan mengurangkan tunai di bank. Catatan bergu yang betul ialah Debit Akaun Gaji dan Kredit Akaun Bank.

15 D

Jadual menunjukkan baki normal yang betul:

Akaun	Baki normal
Perabot	Debit
Akaun belum terima	Debit
Akaun belum bayar	Kredit
Deposit sewa	Debit

16 A

Akaun Tunai perlu dikreditkan apabila alatan pejabat dibeli secara tunai.

17 D

Angka jumlah Jurnal Belian RM2 100 itu direkodkan di sebelah kredit Akaun Kawalan Belum Bayar seperti di bawah dan imbangkan akaun itu untuk menghitung baki akhir pada 31 Julai 2018.

Akaun Kawalan Belum Bayar

Tarikh	Butir	Folio	Jumlah	Tarikh	Butir	Folio	Jumlah
2018			RM	2018			RM
Jul 1	Diskaun diterima	BT	370	Jul 1	Baki	b/b	7 100
	Pulangan belian		600	31	Belian		2 100
	Bank		5 000				
	Baki h/b		3 230				
			9 200				9 200
				Ogos.1	Baki b/b		3 230

18 D

Urus niaga cek tak laku bernilai RM270 dan diskaun ditarik balik RM30 perlu direkod di sebelah debit Akaun Kawalan Belum Terima. Angka baki h/b Akaun Kawalan Belum Terima yang diperolehi iaitu RM3 970 (nilai Y). Rujuk Akaun Kawalan Belum Terima di bawah:

Akaun Kawalan Belum Terima

2019	RM	2019	RM
Mac 1 Baki b/b	2 300	Mac 31 Pulangan jualan	230
31 Jualan	5 600	Bank	3 400
Bank	270	Diskaun diberi	600
Diskaun ditarik balik	30	Baki h/b	3 970
	8 200		8 200

19 A

Hutang lapuk, diskaun diberi dan pulangan masuk memberi kesan kepada baki akhir Akaun Kawalan Belum Terima maka diperlukan dalam penyediaan Akaun Kawalan Belum Terima. Hutang ragu tidak memberi kesan kepada baki akhir Akaun Kawalan Belum Terima maka tidak diperlukan dalam penyediaan Akaun Kawalan Belum Terima.

20 D**Penyata Mengira Jualan Kredit**

	RM
Baki debit Lejar Jualan pada 31 Disember 2019	4 840
<i>Tambah:</i> Bayaran daripada Akaun Belum Terima	25 600
Diskaun diberi	580
Pulangan masuk	590
Hutang lapuk	345
	31 955
<i>Tolak:</i> Baki debit Lejar Jualan pada 1 Januari 2019	(4 400)
Jualan kredit	27 555

21 D**Akaun Kawalan Belum Terima**

2022	RM	2022	RM
Apr. 1 Baki b/b	1 200	Apr. 30 Pulangan jualan	300
30 Jualan	6 400	Bank	4 230
Bank (cek tak laku)	800	Diskaun diberi	550
Diskaun diberi (batal)	90	Baki h/b	3 410
	8 490		8 490
Mei. 1 Baki b/b	3 410		

22 C

Baki Akaun Belian pada 30 November 2024
 = [RM1 500 + RM5 000] – [RM200 + RM500]
 = RM5 800

KERTAS 2**Bahagian A**

- 1 (a) Benar
 (b) Palsu

[2 markah]

- 2 Debit: Bank
 Kredit: Pinjaman

[2 markah]

Bahagian B

- 3 (a) (i)

Akaun Kawalan Belum Terima

2019	RM	2019	RM
Jun 1 Baki b/b	166 548	Jun 30 Bank	79 863
30 Jualan	95 473	Diskaun diberi	894
Cek tak laku	960	Kontra	951
Diskaun diberi dibatalkan	40	Tunai	375
Faedah dikenakan	72	Pulangan masuk	327
		Hutang lapuk	473
		Baki h/b	180 210
	263 093		263 093
2019			
Jul 1 Baki b/b	180 210		

[11 markah]

(ii)

Akaun Kawalan Belum Bayar

2019	RM	2019	RM
Jun 30 Bank	34 195	Jun 1 Baki b/b	68 422
Diskaun diterima	658	30 Belian	36 214
Kontra	951		
Pulangan keluar	188		
Baki h/b	68 644		
	<u>104 636</u>		<u>104 636</u>
		2019	
		Jul 1 Baki b/b	68 644

[5 markah]

(b) Kelebihan menyediakan akaun kawalan

- (i) Dapat menghitung jumlah Baki Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar
- (ii) Dapat mengesan penyelewengan atau penipuan catatan yang dilakukan oleh penyimpan rekod
- (iii) Dapat meringkaskan bilangan Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar yang dicatat dalam Imbangan Duga

[2 markah]

4 (1)

Akaun Kawalan Belum Terima

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2021		RM	2021		RM
Sep. 1 Baki b/b		8 580	Sep. 30 Pulangan jualan		530
30 Jualan		11 480	Hutang lapuk		800
Bank (cek tak laku)		1 692	Bank		15 950
Diskaun diberi (dibatalkan)		188	Baki h/b		4 660
		<u>21 940</u>			<u>21 940</u>
Okt. 1 Baki b/b		4 660			

[9 markah]

(2)

Akaun Kawalan Belum Bayar

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2021		RM	2021		RM
Sep. 30 Pulangan belian		980	Sep. 1 Baki b/b		10 780
Bank		19 540	30 Belian		13 550
Baki h/b		3 960	Angkutan masuk		150
		<u>24 480</u>			<u>24 480</u>
			Okt. 1 Baki b/b		3 960

[6 markah]

KERTAS 1

1 D			Y			
2018		RM		2018		RM
Jan.12	Pulangan belian	420		Jan.10	Belian	6 000
31	Baki h/b	5 580				6 000
		6 000		Feb.1	Baki b/b	5 580

Akaun Y berbaki kredit maka Y ialah akaun belum bayar.

- 2 A
Diskaun diberi, angkutan keluar dan pulangan jualan kesemuanya baki akhirnya adalah debit. Butir X baki akhirnya kredit. Jadi pilihan jawapan yang tepat ialah A iaitu X adalah overdraf bank kerana overdraf baki akhirnya kredit.

- 3 C
Pantun berkenaan berkaitan dengan fungsi Imbangan Duga iaitu:
(i) menyemak ketepatan catatan urus niaga yang berasaskan sistem catatan bergu
(ii) menyemak ketepatan pengiraan dalam buku catatan pertama dan lejar

- 4 C
Angkutan keluar adalah akaun belanja yang baki akhirnya debit. Angkutan keluar sepatutnya disenaraikan di lajur debit Imbangan Duga, bukannya di lajur kredit.

- 5 B
Fungsi Imbangan Duga adalah untuk menyemak ketepatan catatan bergu yang digunakan. Pilihan lain tidak berkaitan.

- 6 A
R adalah Bank manakala S adalah Komisen diterima.

- 7 A
Baki tunai = RM500 – RM400
= RM100 (debit)
Baki bank = [RM6 500 + RM200] – [RM600 + RM6 300]
= [RM200] (kredit)

- 8 C
Baki akhir seluar panjang = 80 + 20 – 10
= 90 unit
Nilai X = 90 × RM20 = RM1 800

- 9 B

Jenis Barang	Baki Akhir (unit)	Harga Seunit (RM)	Amaun (RM)
Benang	90	10	900
Jarum	110	5	550
Nilai Inventori Akhir			1 450

- 10 A

Jenis Barang	Baki (unit)	Harga (RM)	Jumlah (RM)
Sabun basuh	115	10	1 150
Pelembut pakaian	160	15	2 400
Nilai inventori akhir			3 550

11 B

Nilai inventori akhir yang rendah menyebabkan kos jualan tinggi. Kos jualan yang tinggi pula menyebabkan untung kasar menjadi rendah. Pilihan jawapan yang lain adalah salah.

12 B

Nilai inventori akhir
 = RM7 200 + RM7 000
 = RM14 200

KERTAS 2**Bahagian A****1** Imbangan Duga yang seimbang tidak semestinya betul kerana Imbangan

Duga tidak bebas dari kesilapan tidak ketara yang berikut:

- (i) Kesilapan ketinggalan catatan urus niaga
- (ii) Kesilapan terbalik
- (iii) Kesilapan komisen
- (iv) Kesilapan salah mengimbangi
- (v) Kesilapan prinsip
- (vi) Kesilapan amaun

[2 markah]

2 Debit

Kredit

[2 markah]

3 (c) Kos jualan rendah.

Untung kasar tinggi.

[2 markah]



PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL TANPA PELARASAN

KERTAS 1**1 D**

Akaun Untung Rugi

	RM	RM
Untung kasar		6 000
<i>Tambah:</i> Hasil		
Komisen diterima		300
		6 300
<i>Tolak:</i> Belanja		
Sewa dibayar	1 000	
Kadar bayaran	600	
	(1 600)	
		4 700

2 B

Angkutan masuk dan duti atas belian merupakan belanja belian. Pilihan lain tidak berkaitan.

3 B

Perniagaan mengalami rugi bersih apabila belanja melebihi hasil. Pilihan lain tidak berkaitan.

4 B

Penyata Mengira Untung Rugi

	RM	RM
Untung kasar		24 500
<i>Tambah:</i> Hasil Komisen diterima		200
		24 700
<i>Tolak:</i> Belanja Gaji	18 000	
Sewa	7 200	
		25 200
Rugi bersih		(500)

5 D

Pilihan I : Kos jualan direkodkan dibahagian debit.
Pernyataan ini Betul.

Pilihan II : Belian direkodkan di bahagian kredit.
Pernyataan ini Salah. Belian direkodkan di bahagian debit.

Pilihan III : Untung kasar direkodkan di bahagian kredit.
Pernyataan ini Salah. Untung kasar direkodkan di bahagian debit.

Pilihan IV : Kos barang untuk dijual direkodkan di bahagian debit.
Pernyataan ini Betul.

Maka pilihan jawapan yang tepat bagi soalan ini ialah I dan IV.

6 D

Imbangan Duga yang diberi mencatat pulangan masuk RM600 dan pulangan keluar RM800. Catatan yang betul dalam Akaun Perdagangan ialah pilihan D.

7 A

Akaun Perdagangan disediakan untuk menghitung untung kasar perniagaan. Pilihan B berkaitan dengan tujuan penyediaan Akaun Untung Rugi. Pilihan C pula berkaitan dengan tujuan penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan.

8 B

R terdiri daripada butir belian dan belanja belian seperti angkutan masuk, upah atas belian, duti atas belian dan insurans atas belian. Jadi R adalah kos belian.

9 A

Duti import adalah belanja belian maka akan menambahkan kos belian.

10 D

Jumlah kos belian
= [RM28 200 – RM580] + RM450
= RM28 070

11 C

Promosi, Gaji dan Diskaun Diterima direkod dalam Akaun Untung Rugi. Angkutan masuk direkod dalam Akaun Perdagangan.

12 B

